

# Cukai hasil melalui laman web dikurangkan kepada 10 %

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Cukai pendapatan yang diperoleh daripada perdagangan luar pesisir melalui laman web di Malaysia dikurangkan daripada 28 peratus kepada 10 peratus untuk tempoh selama lima tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini berkata, langkah itu diam-bil bagi menggalakkan penggunaan teknologi mak-lumat dan komunikasi (ICT) dalam perdagangan.

Langkah itu juga, kata-nya, adalah bagi menjadi-kan Malaysia satu lokasi perniagaan yang menarik kepada perdagangan anta-rabangsa.

Selain itu, katanya, ke-rajaan juga akan membe-rikan potongan tahunan sebanyak 20 peratus un-tuk selama lima tahun bagi pihak yang memba-ngunkan laman web un-tuk perniagaan.

Bagi meningkatkan pe-nggunaan kad pintar pel-bagai guna terutama da-lam institusi kewangan, Dr. Mahathir berkata, cu-kai jualan ke atas peralat-an tersebut dikecualikan sepenuhnya.

Katanya, memand-ang kos pelaksanaan pro-jek tersebut agak besar, pengecualian cukai jualan itu diharap akan membo-lehkan institusi kewangan menyediakan prasarana yang sesuai dengan lebih cepat.

Beliau berkata, keraja-an juga menyediakan se-jumlah peruntukan yang besar bagi mewujudkan masyarakat yang berpe-ngetahuan, bermaklumat dan berbudaya ICT.

Katanya, untuk melak-sanakan Aplikasi Perdana Kerajaan Elektronik seba-nyak RM112.7 juta disedi-akan, Sekolah Bestari (72.3 juta), Teleperubatan (RM20 juta), kad pintar (RM86.3 juta) dan Integra-si Aplikasi (RM9.5 juta).

Selain itu, katanya, se-banyak RM487.67 juta di-peruntukkan untuk meni-ngkatkan program peng-komputeran di kementerian dan jabatan kerajaan serta RM205.5 juta untuk pengkomputeran di seko-lah-sekolah.